

Lagu patriotik mampu tingkat jati diri pelajar

BH 3 0 AUG 2000

KUALA LUMPUR. Selasa - Lagu patriotik boleh menjadi sumber bagi meningkatkan jati diri dan menyemaikan perasaan cintakan negara, ibu bapa dan guru, kata isteri Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali.

Katanya, jati diri yang tinggi boleh mengelakkan golongan muda terutama pelajar dari melakukan pelbagai kegiatan yang tidak sihat seperti gangsterisme, peras ugut dan melanggar disiplin.

"Jika golongan muda ini disemai dengan sifat murni dan jati diri tinggi, tentunya mereka tidak melakukan perkara

yang boleh memvakitkan hati orang yang mereka sayangi dan hormati seperti ibu bapa dan guru," katanya dalam ucapan pelancaran album 'Terima Kasih Guru' yang dinyanyikan oleh penyanyi cilik, Nurshahila Amir Hamzah.

Turut hadir di majlis itu, Menteri Pendidikan, Tan Sri Musa Mohamad dan Pengerusi Eksekutif Sitt Tatt Berhad, Tan Sri Dr Mohan Swami.

Nurshahila, 10 tahun, anak kepada pelakon dan penyanyi, N D Lala adalah pelajar tahun empat, Sekolah Kebangsaan Danau Kota, Gombak, Selangor.

Album Terima Kasih Guru yang diterbitkan oleh N D Lala

dan Rosli Selasih diedarkan oleh Anugerah Cemerlang (ACE) Sdn Bhd. Ia memuatkan enam lagu serta enam minus one.

Bagaimanapun, N D Lala berkata, album Terima Kasih Guru tidak dijual di mana-mana kedai kaset sebaliknya dipasarkan menerusi Persatuan Ibu Bapa Guru (PIBG) dan konerasi sekolah di seluruh negara dengan harga RM8 seunit.

"Hasil jualan album ini, RM1 seunit akan diserahkan untuk mengisi tabung PIBG sekolah berkenaan," katanya.

Dalam majlis yang sama, satu laman web yang beralamat www.nurshahila.com mengenai Nurshahila turut dilancarkan.